



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN LUAR NEGERI, MALAYSIA

UNTUK SIARAN SERTA-MERTA

PELANCARAN PELURU BERPANDU BALISTIK ANTARA BENUA OLEH REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT KOREA (DPRK)

Malaysia mengutuk pelancaran peluru berpandu oleh Republik Demokratik Rakyat Korea (DPRK) baru-baru ini, termasuklah pelancaran satu peluru berpandu balistik antara benua pada 18 Februari 2023.

Malaysia amat kesal dengan insiden ini yang merupakan ancaman besar kepada keamanan dan keselamatan sejagat. Tindakan DPRK tersebut hanya meningkatkan lagi ketegangan serantau dan menghalang prospek keamanan yang berkekalan di Semenanjung Korea.

Malaysia menggesa DPRK supaya mengekang diri daripada sebarang tindakan provokatif dan menyalahi undang-undang, mematuhi kewajipan di bawah resolusi-resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan komitmen antarabangsa berkaitan, dan segera menghentikan program nuklear dan peluru berpandu balistiknya.

Adalah mustahak juga bagi pihak-pihak yang berkenaan menyambung semula dialog untuk mencapai pelucutan senjata nuklear secara menyeluruh, boleh disahkan dan tidak boleh diubah di Semenanjung Korea.

PUTRAJAYA
21 Februari 2023



WISMA PUTRA